

-
- Title** : Untuk Yang Bergelar Lelaki Dan Perempuan
- Author(s)** : (1) Fatimah Auni binti Ramli, (2) Nur Fatehah binti Mohd Fauzi
- Institution** : (1) Universiti Pendidikan Sultan Idris, (2) Universiti Sains Islam Malaysia
- Category** : Opinion, Competition
- Topic** : Religion

Tajuk

Untuk Yang Bergelar Lelaki Dan Perempuan

Biodata Penulis

Nama sebenar Buya Hamka ialah Abdul Malik Karim Amrullah, dilahirkan pada 14 Muharam 1326 Hijrah atau 17 Februari 1908 di Nagari Sungai Batang, Kampung Molek di tepi Danau Maninjau. Ibunya bernama Safiah. Ayahnya bernama Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah dan dikenali sebagai Haji Rasul ialah seorang ulama besar dan tokoh pembaharuan di Minangkabau serta pemimpin pesantren “Sumatera Thawalib” di Padang Panjang. Buya Hamka merupakan individu yang berjiwa besar, mempunyai keberanian yang tinggi serta seorang yang dahagakan ilmu. Beliau telah merantau ke Jawa pada usia belasan tahun iaitu ketika berumur 16 tahun untuk berguru dengan HOS Tjokroaminoto, RM Surjpranata, Ki Bagus Hadikusumo dan Haji Fakhruddin di Yogyakarta (1924). Di samping itu, beliau juga mula menghasilkan karya penulisan yang bermutu sewaktu umurnya mencecah 17 tahun. Buku pertama yang diterbitkan berjudul Si Sabariah pada umur 20 tahun. Sepanjang hayatnya, beliau Berjaya mengarang 113 judul buku yang terkenal sehingga hari ini. Antaranya adalah Di Bawah Lindungan Kaabah, Tenggelamnya Kapal Van der Wijck, Tasawuf Moden dan sebagainya (Rasyida Junedi & Zaim Hisham, 2020).

Pendahuluan

Sejarah membuktikan sebelum kedatangan Islam, kita mengetahui bahawa perempuan ialah insan yang begitu hina dan dianggap membawa bala bagi masyarakat jahiliah pada ketika itu. Walau bagaimanapun, sinar Islam telah membawa kebahagiaan kepada perempuan sehingga kedudukan dan darjah mereka diangkat setinggi-tingginya. Selain itu, buku ini bukan sahaja membincangkan perkara yang disebutkan tadi, malah menghuraikan juga tanggungjawab para lelaki dan perempuan. Hujahan yang dibentangkan oleh Buya Hamka adalah berdasarkan wahyu Allah SWT melalui dalil-dalil dalam al-Quran. Terdapat juga hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang diutarakan bersama bagi menyokong dalil-dalil al-Quran yang digunakan sebagai hujah. Hadis-hadis dalam buku ini juga ada dinyatakan tahap kesahihannya pada nota kaki. Walau bagaimanapun, jika pembaca masih ragu-ragu dengan status kesahihan yang dinyatakan, amat digalakkan supaya berhubung dengan ahli dalam bidang hadis. Di samping itu, walaupun dapat diperhatikan melalui judul buku seolah merujuk kepada perempuan sahaja, istimewanya buku Buya Hamka Berbicara Tentang Perempuan juga ada menyatakan tanggungjawab lelaki. Ini bermakna, penyampaian tidak menjurus kepada satu jantina sahaja. Oleh hal yang demikian, penulisan buku ini sangat sesuai untuk dibaca oleh setiap individu tidak kira jantina.

Isi perbincangan

Pada bab Penghargaan Yang Sama, muka surat 11, terdapat jaminan kesamarataan antara lelaki dan perempuan mukmin di hadapan Allah. Sebagai contoh, sebagaimana lelaki dapat memimpin, begitu juga perempuan. Hujahan ini dapat dibuktikan dengan dalil yang diambil daripada Surah at-Taubah ayat 71-72. Terjemahannya;

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam Syurga ‘Adn serta keredaan dari Allah yang lebih besar kemuliannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar.”

Pada pandangan kami, amat penting bagi setiap orang benar-benar memahami tentang kesamarataan yang disebutkan tadi. Hal ini supaya setiap individu dapat mengenal dengan lebih sempurna bahwasanya agama yang suci ini tidak pernah berat sebelah dalam mengangkat kedudukan sama ada lelaki maupun perempuan. Kedua-duanya amat dituntut supaya melakukan *amar makruf* (menegakkan agama) dan juga *nahi mungkar* (mencegah berbuat kerosakan). Dua perkara ini adalah asas dan tonggak bagi melahirkan muslim yang sejahtera. Kerana kita tidak mahu lahirnya masyarakat yang rosak jika kita tidak mencegah kemungkaran.

Adapun begitu, pada bab Pembahagian Tugas, dinyatakan bahawa Islam mengambil kira dan mengambil berat tentang keadaan fizikal seorang perempuan. Perempuan tidak perlu memikul apa yang tidak seharusnya dipikul. Sunnatullah, perempuan hanya perlu memikul tugasan mengikut kemampuan yang telah Allah kurniakan kepada mereka. Justeru, sudah menjadi lumrah tanggungjawab mencari rezeki di luar rumah jatuh ke atas bahu seorang suami yang juga seorang lelaki bagi memberi nafkah bagi memenuhi keperluan keluarga mereka.

“Jelas sekali bahawasanya rumah tangga yang aman damai adalah gabungan antara tegapnya laki-laki dengan halusnya perempuan. Laki-laki mencari dan perempuan mengatur.”

Itulah antara ungkapan yang dinukilkhan di dalam buku ini. Sebuah rumah tangga tidak sepatutnya mempunyai dua pemimpin. Ia ibarat sebuah organisasi di pejabat. Perlu kepada seorang ketua yang mengawal kelancaran organisasi (lelaki) dan juga setiausaha sebagai pembantu (perempuan) yang membantu meringankan tugas seorang ketua hanya dengan menyimpan rahsia organisasi supaya tidak dicampur tangan oleh pihak lain kerana kita tidak mahu organisasi harmoni yang dibina itu, hancur kerana campur tangan orang yang mempunyai hasad dengki.

Dalam bab Dia Mendapat Harga Diri membuktikan kedudukan perempuan diangkat selepas turunnya wahyu. Dalil al-Quran dalam surah an-Nahl ayat 58 – 59 menjelaskan;

“Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang daripada mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati (58). Ia bersembuni dari orang ramai kerana merasa malu disebabkan berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan; sambil ia berfikir): adakah ia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina, atau ia akan menanam hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.”

Begitulah yang digambarkan di dalam al-Quran bahawa lelaki-lelaki pada zaman jahiliah tidak meraikan kehadiran anak perempuan dalam keluarga, malah mereka berasa marah serta menanggung malu. Disebabkan itu mereka membunuh anak perempuan dengan menanam dan dikuburkan hidup-hidup sehingga hilang jeritan suara. Maka, turunnya wahyu Allah melalui surah al-Takwir, ayat 81;

“Apabila matahari dilingkari cahayanya (dan hilang lenyap); (1), Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak; (2), Dan apabila gunung-ganang diterbangkan ke angkasa (setelah dihancurkan menjadi debu); (3), Dan apabila unta-unta yang bunting terbiar; (4), Dan apabila binatang-binatang liar dihimpunkan; (5), dan apabila lautan meluap-luap bercampur baur; (6), Dan apabila tiap-tiap diri disatukan dengan pasangan; (8), Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup: ditanya, (8) – Dengan dosa apakah ia dibunuh?; (9)”

Sungguh, Allah melarang keras perbuatan yang mereka telah lakukan. Setelah mereka mengetahui akan wahyu dari Allah yang disampaikan Nabi Muhammad, masyarakat jahiliah mula mencela perbuatan ini serta bertaubat melalui cara yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

Penutup

Tidak cukup dengan ulasan ringkas di sini saja. Itu pun cuma beberapa bab yang kami pilih dan kongsikan, di mana kami merasakan bab-bab tersebut antara yang menceritakan dengan jelas tentang tanggungjawab lelaki dan kedudukan wanita dalam Islam. Sejurnya, kami berharap lebih ramai orang lagi akan turut serta untuk mencipta pengalaman membaca buku ini. Begitu banyak mutiara ilmu yang boleh diambil daripada buku ini, untuk kita amalkan dalam kehidupan sehari-hari. Semoga pahala tidak akan putus-putus datang kepada penulis asal buku ini, Allahuhyarham Buya Hamka Hafizahullah. Semoga mereka yang membacanya turut dapat mengamalkan semula perkara dengan betul, dan meninggalkan perkara yang salah setelah membaca buku ini, terutamanya dalam urusan kehidupan seharian sebagai seorang lelaki dan juga perempuan.

Rujukan

Rasyida Junedi & Zaim Hisham. (2020). *Perjalanan Terakhir Buya Hamka*. Bandar Baru Bangi: Jejak Tarbiah.

HAMKA. (2021). *Buya Hamka Berbicara Tentang Perempuan*. Bandar Baru Bangi: Jejak Tarbiah.